

29/01/2003

Pemimpin digugur perlu patuh keputusan parti: TPM

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Pemimpin Umno yang merasakan diri mereka tidak lagi diperlukan, bukan saja harus meletak jawatan, malah mesti patuh terhadap sebarang keputusan kepimpinan parti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata tidak guna jika pemimpin menawarkan diri untuk melepaskan jawatan serta mendakwa mematuhi keputusan kepimpinan, tetapi bertindak membelakangkan kepentingan parti apabila tidak dipilih semula.

Merujuk kenyataan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang menyatakan kesediaan melepaskan jawatan jika tidak diperlukan serta menyerahkan kepada kepimpinan parti, Abdullah berkata, sikap yang ditunjukkan Adnan adalah baik.

"Saya ada check dengan Nan (Adnan). Dia bagi tau kalau dia tidak dikehendaki, dia sedia letak jawatan. Itu konteks kenyataannya.

"Dia mengambil kira perkara ini sebab sudah berlaku dalam Umno bila seseorang tidak dikehendaki, dia membantah dan buat macam-macam lagi menentang parti serta mengadakan tindakan yang menimbulkan masalah.

"Kalau kita serahkan kepada kepimpinan parti untuk buat keputusan, kita kenalah patuh. Jangan kata saya serahkan kepada parti, jika dia pilih, saya terima, kalau tak pilih saya tentang.

"Itu bukan ertinya kita patuh kepada kepimpinan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing di Kementerian Dalam Negeri (KDN) semalam.

Adnan dan keseluruhan Exco Pahang menyatakan kesediaan melepaskan jawatan dan tidak bertanding dalam pilihan raya akan datang jika khidmat mereka tidak diperlukan lagi.

Kenyataan Adnan itu menyebabkan beberapa pemimpin Umno di beberapa negeri seperti Perak, Perlis, Negeri Sembilan dan Johor turut menyuarakan kesediaan melepaskan jawatan masing-masing selain patuh kepada keputusan pemimpin Umno.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata tiada pemimpin yang kekal dan mereka yang tidak dapat menyumbang kepada pembangunan negara harus melepaskan jawatan.

Kelmarin, sekembali daripada lawatan kerja dari Lubnan, Mesir dan Switzerland, Dr Mahathir berkata, Abdullah perlu diberi peluang mengatur semula segala-galanya, terutama barisan kepimpinan Umno.

Malah, Perdana Menteri berkata: "Sudah tentu di kalangan mereka yang ada yang sudah lama, sesetengahnya selama saya menjadi Perdana Menteri (sejak 22 tahun lalu)... dilantik oleh saya. Saya berpendapat Pak Lah harus diberi peluang melantik sendiri seseorang itu."

Abdullah yang ditanya sama ada 'tawaran' melepaskan jawatan itu akan menjejaskan Umno, berkata: "Ahli Umno ni ada beberapa juta. Apabila ada kekosongan kita kena isi... bukan selama-lamanya kita nak tinggal kosong."

Mengenai sama ada Umno akan menghadapi masalah mengisi kekosongan itu, beliau dengan berseloroh berkata: "Ramai di Malaysia ... you all (wartawan) pun ada yang layak."